

05/10/2003

Ilmuan Islam "bersilat" di gelanggang orang

Johan Jaaffar

KITA banyak menyalahkan bias dan prasangka Barat kerana memberi nama buruk pada Islam. Kita mempersalahkan media Barat yang tidak berlaku adil dan objektif dalam menangani isu Islam. Kita menuduh ilmuan dan sarjana bukan Islam yang tidak jujur melihat Islam, tamadunya dan penganutnya.

Dari kerusi empuk dan selesa, atau di pentas politik dan dewan persidangan, kita hanya mampu mengutuk dan mengecam mereka. Nama baik Islam tidak boleh dipertahankan oleh orang lain - itu hakikat yang harus kita terima. Kita sendiri melihat bagaimana banyak orang yang menggelar diri mereka "sarjana dan pakar Arab dan Islam" kini jelas menambah prasangka pada kekeliruan itu. Kita melihat bagaimana muncul tiba-tiba pakar dan pengkaji Islam militan, soal keganasan, sejarah Taliban, fundamentalisme dan konflik dalaman Islam. Sebahagian besar buku ini laris di pasaran. Ini merupakan buku-buku pasang siap dan mi segera yang sangat dikehendaki.

Kita tidak boleh menyalahkan pembaca Barat kerana membelinya. Mereka mahu tahu apa itu Islam. Mereka hairan bagaimana agama yang dikatakan meletakkan keamanan dan kesejahteraan sebagai terasnya melahirkan Osama bin Laden, pemusnah ikon New York, meledakkan bom di badan, membunuh orang ramai di Bali dan di tempat-tempat lain. Mereka ingin tahu benarkah konsep "jihad" itu menjadikan semua orang Islam suicide bombers?

Salahnya kita juga. Ilmuan Islam hanya berkokok di gelanggang sendiri. Wartawan Islam hanya boleh menempelak dan mengecam. Kita semua tidak menggunakan "gelanggang" orang lain untuk menyatakan pendirian kita. Gelanggang dalam konteks ini bukan sahaja pentas persidangan, forum atau seminar tetapi lebih-lebih lagi jurnal, majalah, akhbar dan penerbitan yang lain.

Cuba lihat bagaimana isu Palestin sentiasa hidup sekurang-kurangnya dalam wacana Barat sejak sekian lama. Benar, soal survival orang Palestin mendapat perhatian dunia, khususnya masyarakat Islam. Selain kalangan aktivis damai, diplomat, pimpinan politik dan lain-lain, para pemikir dan sarjana memainkan peranan yang penting untuk "menghidupkan" isu itu.

Ambil sahaja Edward Said, sarjana dan pemikir yang meninggal dunia minggu lalu. Beliau lahir di Palestin tetapi besar di Amerika Syarikat (AS) dan mendapat pendidikan di Princeton dan Harvard. Beliau berkecimpung dalam pelbagai disiplin, dari sastera hingga muzik. Tetapi beliau ialah jurucakap penting kaumnya.

Beliau menggunakan populariti dan nama beliau di akademia untuk tujuan itu. Buku-buku beliau seperti Peace and Its Discontents dan The Politics of Dispossession: The Struggle for Palestinian Self-Determination 1969-1994 memperjuangkan isu itu. Edward Said bukan Islam tetapi amat jelas simpatinya terhadap Islam.

Kita juga harus membantu Islam mendapat balik nama yang tercemar. Banyak orang tidak faham mengenai Islam. Apa yang mereka baca daripada buku-buku pasang siap dan mi segera dari "pakar", "penganalisis" dan "wartawan" ini sebenarnya tidak banyak membantu.

Kita semua tahu bahawa buku yang mendakwa "autoriti" mengenai kegiatan militan Islam serantau sebenarnya mengandungi begitu banyak kesalahan dan kekeliruan. Malah buku itu jelas tidak dapat membezakan bahawa derma dan zakat dalam Islam, kegiatan membaca al-Quran, pondok-pondok belajar agama dan kaedah pembelajaran ilmu yang semuanya dilabelkan sebagai "hotbed for fundamentalism."

Kita melihat bagaimana penerbitan arus perdana di Barat yang jelas menonjolkan imej negatif terhadap Islam. Majalah dan akhbar ini milik kelompok tertentu yang banyak kepentingannya untuk melihat nama Islam tercemar. Maka itu objektivitinya memang boleh dipersoalkan. Sebahagiannya memancarkan pemikiran kolonialis baru (Newcon) yang mencorakkan pemerintah Presiden Bush hari ini.

Kita harus berani mendebatkan kes kita di penerbitan seperti ini selain tentunya jurnal-jurnal yang dihormati dalam dunia diplomasi dan keserjanaan seperti Foreign Affairs. Selain tentunya memperbanyakkan buku-buku di pasaran yang menghujahkan kes Islam dari perspektif kita.

Kita punya banyak nama-nama pemikir dan sarjana yang boleh berbuat demikian. Saya tidak perlu menyenaraikan nama-nama mereka di sini. Saya tidak akan berlaku adil pada dunia keserjanaan kalau saya hanya menyebut beberapa nama. Sekian banyak ilmuan kita mampu berbuat demikian.

Mereka yang seharusnya "bersilat" di gelanggang orang. Mereka harus menjadi juara ilmuan global bagi menangani persepsi salah dan keliru ini. Dan mereka hanya dapat berbuat demikian kalau mereka menguasai bahasa-bahasa utama dunia, Inggeris, Perancis, Arab, Jerman dan Cina. Zaman kita mengeluh dan menangisi ketidakadilan yang diperlakukan pada Islam dan umat Islam sudah berakhir.

Ini waktunya kita harus proaktif, kita harus turut mengasak, kita harus cekal mencabar dan menghujah. Islam bukan agama ganas dan tempat membiak keganasan. Islam bukan jumud dan anti kekayaan dan kemewahan. Islam bukan agama yang menghargai kekecilan, kelemahan dan ketidakpercayaan. Umat Islam berjiwa besar dan mampu bersaing dengan sesiapa sahaja.

Kita juga perlu bergantung pada negarawan dan diplomat Islam dalam dan luar negara. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad banyak menghujahkan soal Islam progresif dan perlunya umat Islam mengorak langkah ke hadapan. Kita memerlukan Tan Sri Razali Ismail untuk menjadi suara bicara Islam progresif ini. Kita memerlukan Surin Pitsuwan, bekas Menteri Luar Thailand untuk membantu kita, begitu juga bekas Menteri Luar Indonesia Dr Alwi Shihab.

Kita bernasib baik kerana sekurang-kurangnya imej ketidakadilan ini sedikit sebanyak "diperbetulkan" oleh tokoh-tokoh bukan Islam sendiri. Noam Chomsky seorang Yahudi tetapi sangat lantang menyatakan pendiriannya terhadap dasar AS yang dipengaruhi oleh lobi Yahudi yang kuat. Buku-buku beliau seperti *The Prosperous Few and the Restless Many*, 9-11 dan *On Power and Ideology* banyak membantu ke arah ini.

Banyak orang yang tidak senang dengan John Esposito, Beliau banyak menulis buku "memperkenalkan" Islam pada masyarakat Barat. Walaupun apa kelemahannya, kita harus menerima bahawa beliau punya pemahaman yang agak baik mengenai Islam dan umat Islam.

Cuba kita ambil contoh yang lain. Marcus Meitzner dari Australia banyak membuat kajian mengenai tradisi pesantren di Indonesia. Malah pengkhususan beliau ialah dalam Gerakan Nahdatul Ulama di Indonesia. Bassam Tibi banyak menulis mengenai "Islam moden" malah buku beliau yang penting ialah *Islam and the Cultural Accommodation of Social Change*. Yvonne Haddad ialah Profesor Sejarah Islam di Universiti Massachusetts di Amherst. Beliau juga aktif dalam Center for Muslim-Christian Understanding. Pengkhususan beliau ialah sejarah intelektual, sosial politik dunia Arab dan Islam Amerika Utara.

Daryush Shahegan banyak memberikan perhatian pada soal "konfrantasi" di antara Islam dengan Barat. Malah beliau menggunakan frasa "cultural schizophrenia" untuk menjelaskan konfrontasi itu. Kita semua mengenal Karen Amstroing yang banyak sekali membuat kajian perbandingan mengenai tiga agama besar yang berteraskan Asia Barat - Islam, Kristianiti dan Judaisme.

Kita juga berdepan dengan beberapa orang penulis yang berteraskan akar umbi tradisi India Pakistan. Ahmed Rashid, bekas wartawan Far Eastern Economic Review banyak menulis mengenai pergolakan bersenjata yang membabitkan militan. Salah sebuah bukunya Taliban: The Story of the Afghan Warlords menjadi buku laris tidak lama dulu, M.J. Akbar menulis buku The Shade of Swords, : Jihad and the Conflict Between Islam and Christianity. Akhbar S Ahmed baru menulis buku Discovering Islam: Making Sense of Muslim History and Society.

Kita boleh sahaja menghujahkan merit dan bias penulis-penulis Islam dan bukan Islam ini. Tetapi kita memerlukan mereka membantu kita. Dan kita perlu suplimen tugas itu dengan memperbanyakkan tulisan-tulisan kita. Saya percaya ini cabaran yang penting dan perlu disambut. Memang ramai para sarjana kita yang sudah menggunakan gelanggang orang untuk menghujahkan kes kita. Tetapi bilangannya masih kecil dan terbatas.

Selepas peristiwa 11 September, 2001, sarjana, penulis dan wartawan Islam harus melihat keluar kotak. Mereka harus menjuarai kepentingan agama dan ummah di pentas dunia. Mereka tidak lagi boleh menunjuk handal sekadar di gelanggang sendiri.

* Penulis pernah menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu (M) Berhad.